



**HGM 239 GEOGRAFI MANUSIA**

**SEMESTER I 2021/2022**

**SOALAN :**

1. Dengan merujuk kepada Malaysia bincangkan kesan dan perubahan yang dibawa oleh globalisasi di negeri berikut: **KEDAH**

**DISEDIAKAN OLEH:**



**CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER (145719)**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**DR NOORIAH**

**TARIKH PENGHANTARAN:**

**17 DISEMBER 2021**

## **1.0 PENGENALAN**

Kedah merupakan salah satu daripada 14 negeri yang terletak di dalam Malaysia. Selain dikenali dengan panggilan Kedah, negeri ini juga terkenal dengan nama Kedah Darul Aman. Berdasarkan peta negara Malaysia, negeri Kedah terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia dengan keluasan negeri iaitu seluas 9,425 km<sup>2</sup> dan populasi seramai 2,173,700 orang pada banci tahun 2018. Kepadatan penduduk negeri Kedah adalah 205/km<sup>2</sup>. Selain itu, negeri Kedah juga bersempadan dengan negeri Perlis dan Thailand dari bahagian utara. Manakala dari arah selatan dan barat daya, Kedah bersempadan dengan negeri Perak dan Pulau Pinang. Ibu negeri bagi negeri Kedah adalah Alor Setar dan juga merupakan tempat terletaknya cabang perundangan kerajaan Persekutuan bagi negeri Kedah. Tambahan, bandar yang menjadi pusat utama kerajaan persekutuan negeri Kedah adalah bandar Muadzam Shah Alor Setar.

Seiring dengan perubahan zaman, negeri Kedah turut mengalami kesan dan perubahan yang dibawa oleh globalisasi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, globalisasi merupakan proses yang membolehkan sesuatu aktiviti seperti ekonomi, sosial, budaya dan politik diperluaskan ke peringkat antarabangsa bahkan ke seluruh dunia terutamanya dengan adanya kemudahan dan ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang teknologi yang semakin mendekat perhubungan. Sebagai contoh, perkembangan dalam sistem komunikasi membolehkan negara membina hubungan baik dengan negara luar tanpa perlu ke tempat tersebut.

Menurut Anthony Gidden, globalisasi adalah satu proses yang universal dan membawa kepada pemodenan berkonsepkan peradaban Barat ke seluruh dunia kemudian menjadi sebatи di dunia global. Tanpa kita sedari, setiap individu turut terlibat secara tidak langsung dalam proses ini. Namun begitu, tiada definisi yang spesik yang digunakan untuk menjelaskan globalisasi. Hal ini demikian kerana, setiap penyelidik mempunyai pandangan yang berbeza. Namun begitu, terdapat dua perkara yang sentiasa diakui iaitu, globalisasi sedang berlaku dan ia adalah proses yang meningkatkan hubungan dan kebergantungan.

## **2.0 KESAN GLOBALISASI DI NEGERI KEDAH**

Berdasarkan proses globalisasi yang berlaku di negara Malaysia, negeri Kedah turut mengalami kesan daripada proses tersebut. Dimana kesan globalisasi ini membawa kepada kesan yang baik mahupun yang kurang baik dari segi ekonomi, sosial, politik dan budaya. Kesan globalisasi ini saling berkaitan antara satu sama lain.

### **2.1 EKONOMI**

Kesan yang berlaku dapat dilihat dari segi ekonomi. Dimana menurut takrifan Allison, globalisasi ekonomi adalah apabila berlaku integrasi ekonomi di seluruh dunia. Terutamanya yang melibatkan pergerakan perdagangan, buruh, modal dan maklumat teknologi diantara negara. Abdul Rashid (2004) pula telah mentakrifkan globalisasi ekonomi sebagai proses di mana berlakunya peningkatan pengaliran barang dagangan, modal, buruh, maklumat, kewangan dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah melampaui batas dunia. Berdasarkan takrifan ini, dapat dinyatakan dengan jelas bahawa globalisasi tidak dapat dielakkan. Abdul Rashid (2004) telah membahagikan kesan globalisasi ekonomi kepada kesan positif dan negatif.

Dari sudut positif, globalisasi telah membawa kepada peningkatan taraf hidup, memberi peluang pekerjaan, menaiktaraf ekonomi negara sekaligus meningkatkan sumber pendapatan di negara lain. Buktinya, berdasarkan akhbar atas talian Harian Metro (14 November 2021), menyatakan bahawa pada tahun 2021, Kedah telah menarik pelaburan keseluruhan bernilai RM43.6 bilion berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Perkara ini menjadikan negeri Kedah berada di tangga pertama menyumbang kepada pelaburan. Pelaburan ini telah sekaligus membuka peluang pekerjaan sebanyak 4,417 jawatan kepada rakyat Malaysia di tahun 2022 khususnya rakyat Kedah sendiri. Antara pelaburan utama negeri Kedah adalah pelaburan dari segi bidang tenaga yang boleh diperbaharui iaitu Risen Solar Technology Sdn Bhd.

Dari sudut negatif pula, globalisasi menyebabkan perdagangan tidak adil, ketidaktentuan pasaran kewangan dunia, wujud jurang perdagangan dan ancaman terhadap produk tempatan. Buktinya, berdasarkan portal rasmi Malaysia Dateline (16 December 2021), Menteri Besar negeri Kedah menyatakan bahawa negeri Kedah memerlukan bantuan atau perhatian yang lebih khusus dari kerajaan pusat agar mampu merapatkan jurang ekonomi di negeri tersebut. Jadi, jelaslah bahawa dengan wujudnya globalisasi, fokus lebih tertumpu kepada negeri-negeri penyumbang utama ekonomi dengan harapan pendapatan daripada negeri tersebut dapat mengekalkan ekonomi negara.

Perkara inilah yang menjadikan negeri-negeri seperti Kedah sedikit lambat membangun dan kemudian wujudnya jurang ekonomi antara negeri di Malaysia. Hal ini demikian kerana, dengan peningkatan ekonomi negeri dapat membangunkan dan menjadi pencetus kepada pembangunan ekonomi seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan Kedah Rubber City. Globalisasi turut memberi ancaman kepada produk tempatan. Hal ini demikian kerana, terdapat lambakan pilihan barang import yang jauh lebih berkualiti dan murah di Malaysia.

## **2.2 SOSIAL**

Kesan seterusnya dapat dilihat dari segi sosial. Iaitu dari segi peningkatan interaksi atau pergerakan antara individu dari sesuatu kawasan atau tempat yang lain ke kawasan yang lain. Bagi negeri Kedah, pergerakan adalah disebabkan oleh pelancongan dan peluang pekerjaan. Ekoran daripada pandemik COVID-19 yang melanda dunia, hampir 2 tahun negara mengalami kelumpuhan pelancongan. Oleh itu, atas usaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) cadangan pelaksanaan projek rintis gelembung pelancongan ke Pulau Langkawi telah dijalankan. Projek ini dijalankan hasil daripada pemantauan dari negara-negara lain telah mula membuka semula sector pelancongan negara mereka. Buktinya, hasil dari projek ini, setakat 12 Oktober 2021, hampir 90, 000 pelancong telah berkunjung ke Langkawi. Antara sebab pelancong berkunjung ke negeri Kedah adalah untuk menikmati keindahan alam di Pulau

Langkawi, perniagaan dan melancong. Perkara ini telah membawa kepada aliran pemikiran baru merentas sempadan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kerajaan dan pihak bertanggungjawab hendaklah memikirkan cara terbaik bagi memastikan kebijakan individu yang berkunjung di kawasan tersebut. Oleh itu, akan berlaku pertukaran idea dalam urusan penjagaan SOP penularan COVID-19. Jadi jelaslah bahawa globalisasi sosial membawa kesan baik bagi sosial masyarakat dan pentadbiran.

Kesan yang kurang baik daripada globalisasi dari sudut sosial di negeri Kedah adalah berlakunya peningkatan gejala sosial. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembawaan budaya negatif dari Barat yang boleh dilihat melalui internet dan televisyen. Lebih-lebih lagi pada masa kini, hampir setiap remaja mahupun kanak-kanak mempunyai gadget. Hal ini ekoran daripada pendidikan atas talian kesan daripada pandemic COVID-19. Jadi, perkara ini menyebabkan penyebaran budaya negatif yang cepat dalam kalangan remaja. Dimana budaya liar ini sukar untuk ditapis dan menyebabkan remaja hilang identiti diri. Contoh penyebaran budaya negative adalah seperti ponteng sekolah, merempit, pecah rumah, pornografi dan amalan seks bebas yang sangat bertentangan dengan budaya rakyat Malaysia. Globalisasi ini telah membawa kepada perkembangan hedonisme dalam diri individu. Dimana individu lebih mementingkan hiburan dan kesenangan semata-mata. Buktinya, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah merekodkan seramai 14,000 pelajar sekolah menengah dan rendah terlibat dengan kes ponteng setiap hari. Melalui kes ini murid cenderung terjebak dengan gejala sosial yang lebih serius dan membahayakan serta mencemarkan nama baik negara mahupun negeri. Jadi, jelaslah bahawa globalisasi membawa banyak kebaikan dari segi sosial namun kesan negatif juga turut menyusul.

### **2.3 POLITIK**

Selain kesan dari sudut ekonomi dan sosial, globalisasi turut membawa kesan kepada politik di negeri Kedah. Hal ini demikian kerana, perkembangan globalisasi telah membawa

kepada kewujudan kerjasama dan persefahaman sejagat. Dimana seluruh dunia boleh mempunyai interaksi dan berkongsi maklumat secara terus terutamanya dengan kewujudan teknologi yang semakin canggih pada masa kini. Bak kata pepatah, dunia sekarang hanya dihujung jari. Jadi, perkara ini, memudahkan wujudnya hubungan diplomatik antara negara. Misalnya, mudah untuk mengesan masalah negara serantau dan bantuan dapat diberikan dengan segera. Bukti, dalam akhbar Sinar Harian (07 Disember 2021), Menteri Besar Kedah menyatakan bahawa Kedah bersedia untuk menjalin kerjasama industri pelancongan dengan negara luar. Beliau mengatakan demikian selepas kunjungan delegasi yang disertai oleh 24 duta besar dan diplomat dari 30 buah negara ke negeri tersebut. Beliau juga mengalukan kerjasama dengan negara luar dalam pembangunan negeri tersebut di masa akan dating. Hal ini demikian kerana, negeri Kedah kaya dengan sumber semulajadi dan landskap geografi yang luar biasa. Jadi jelaslah bahawa dengan adanya perkembangan globalisasi, kerjasama dan kesefahaman sejagat boleh diwujudkan,

Kesan buruk akibat daripada globalisasi adalah membawa kepada campur tangan pihak luar dalam pentadbiran sesebuah organisasi, negara atau negeri. Campur tangan dari pihak luar adalah sesuatu yang tidak sihat bagi sesebuah pentadbiran. Hal ini demikian kerana perkara ini memutuskan perpaduan dan silaturahim dalam kalangan masyarakat. Negeri Kedah juga tidak terlepas daripada isu seperti ini. Baik dari negara luar maupun dari negeri-negeri jiran. Bukti, dalam akhbar Utusan Malaysia (12 Januari 2021), Menteri Besar Kedah telah mengingatkan syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) seperti Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) supaya tidak membuat kenyataan yang menyentuh isu kerajaan negeri Kedah. Hal ini demikian kerana isu yang berbangkit adalah melibatkan kedua-dua negeri bukan GLC. Jika perkara ini berterusan, hubungan baik antara dua negeri secara diplomatik akan terjejas.

## **2.4 BUDAYA**

Akhirnya, globalisasi membawa kesan kepada budaya di negeri Kedah. Kesan budaya wujud adalah disebabkan oleh kewujudan kesan kepada politik, ekonomi dan sosial. Sama seperti sudut sosial, ekonomi dan politik, sudut budaya juga mempunyai kesan positif dan negatif. Dari segi positif, globalisasi telah membawa budaya kerja yang baik kepada negeri Kedah. Misalnya, budaya kerja pandang ke Timur. Dimana bukan hanya negeri Kedah menjadikan Jepun sebagai contoh budaya kerja yang baik, malah seluruh negara menjadikan negara tersebut sebagai panduan.

Kesan buruk disebabkan oleh globalisasi adalah membawa ancaman budaya kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, seiring dengan kemajuan teknologi, masyarakat semakin didedahkan dengan budaya lain seperti budaya Barat. Dimana budaya Barat adalah sangat jauh berbeza dengan budaya yang diamalkan di Malaysia. Disebabkan kesedaran terhadap isu ini, Menteri Besar Kedah meyeru rakyat untuk membina jati diri melalui empat teras iaitu agama, akhlak, pendidikan dan bahasa (Sinar Harian, 12 Disember 2021). Hal ini demikian supaya rakyat dapat mengelakkan diri daripada dijajaholeh ancaman budaya dan pemikiran yang bertentangan.

### **3.0 PERUBAHAN YANG DIBAWA OLEH GLOBALISASI DI NEGERI KEDAH**

Seiring dengan kesan globalisasi, terdapat banyak perubahan yang telah berlaku dan dapat kita lihat dengan jelas berlaku di negeri Kedah. Perubahan ini turut berlaku dari sudut ekonomi, sosial, budaya dan politik. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh-pengaruh yang telah dibawa oleh arus globalisasi dan menyelinap masuk menjadi sebatи dalam diri masyarakat setempat.

Sebelum era kemerdekaan, sistem ekonomi dijalankan secara tradisional. Namun begitu selepas tahun 1980an, pembangunan ekonomi lebih berfokus kepada sistem eksport dan mementingkan pelaburan asing sebagai batu loncatan bagi memperluaskan sektor perindustrian di Malaysia. Dalam hal ini, negeri Kedah turut proaktif kerana wujudnya zon industri di bahagian utara Malaysia, pelancongan dan pertanian. Sebagai contoh, sebelum penjajahan, Kedah pernah menjadi pengekspor bebas beras ke Pulau Pinang dan Pulau Pinang menjadi pemodal utama. Namun begitu, selepas zaman penjajahan, Kedah telah meluaskan sistem eksport ke negara-negara lain seperti China. Malahan negeri Kedah sehingga kini terus mengusahakan penanaman padi dua kali setahun. Hal ini hasil daripada pertukaran idea dengan negara Jepun menggunakan benih Taiwan.

Pada masa kini, Kedah berfokus kepada pembangunan pada bahagian perindustrian. Hal ini demikian kerana, kegiatan pertanian yang sebelum ini menjadi sumber utama telah digantikan dengan pembangunan perindustrian bagi emncapai matlamat negeri maju menjelang 2010. Hal ini dapat kita lihat apabila di Gurun terdapat kilang seperti Modenas, dan kilang pemasangan kereta Naza. Disebabkan matlamat utama kerajaan negeri Kedah adalah untuk memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, oleh itu, pelbagai industry telah diwujudkan di negeri Kedah. Antara kawasan perindustrian tersebut ialah di Kulim, Sungai Petani, Baar arang, alor setar dan bukit kayu hitam. Buktinya lebih 460 buah kilang beroperasi

di kawasan tersebut dengan mengeluarkan barang makanan, elektronik, tekstil, barang plastik dan getah.

Antara Pusat pengeluaran fabrik wafer yang utama di rantau ini ialah Kulim Hi-Tech Park yang terletak di Kedah. Kulim Hi-Tech Park telah menerima sebanyak 21 bilion ringgit pelaburan dan telah menghasilkan 16 ribu peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Intel dan Fuji Elektrik merupakan salah satu syarikat anatarabangsa yang telah menjalankan operasi di Kulim Hi-Tech Park. Demi menampung permintaan lot industri, pembangunan Zon Industri Fasa 3 seluas 50 ekar telah dimajukan serta Kulim Hi-Tech Park telah disediakan dan dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan prasarana, R&D, perniagaan, pendidikan, rekreasi, kesihatan dan perumahan di kawasan seluas 1200 ekar.

Kedah terkenal dengan sektor pertanian yang semakin maju dan moden. Hal ini kerana Kedah mempunyai keluasan tanah pamah yang luas dan subur. Ini dapat dibuktikan dengan kawasan tanaman padi di Kedah seluas 100000 hektar yang menghasilkan 40% keperluan beras negara serta terdapat tanaman lain yang dimajukan seperti kelapa sawit, getah dan tebu. Kedah memberi fokus yang tinggi untuk membangunkan projek penanaman pokok yang berkualiti tinggi seperti pokok jati. Projek ternakan ikan air tawar, ikan hiasan dan ayam daging juga telah memberi peluang pekerjaan kepada rakyat serta meningkatkan pendapatan negeri.

Sektor yang telah berkembang dengan pesat dan banyak mengalami perubahan ialah sektor pelancongan. Dimana negeri Kedah telah mengetengahkan dan menjadikan Pulau Langkawi sebagai salah satu destinasi pelancongan yang sangat terkenal pada masa kini. Pada hari ini, Langkawi terkenal dengan produk seperti Langkawi Cable Car, Underwear World, Pulau Payar Marine Park, Telaga Harbour Park, padang golf dan pusat membeli-belah yang bertaraf antarabangsa. Dari segi budaya, negeri Kedah masih mengekalkan kebudayaan dan warisan negeri Kedah. Buktinya, tempat-tempat bersejarah dan warisan seperti Muzium Padi, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Masjid Raja dan Masjid Zahir masih dibuka untuk tujuan

pelancongan dan tempat-tempat ini masih menjadi tumpuan pelancong termasuk rakyat tempatan sendiri. Jadi jelaslah bahawa, banyak perubahan yang telah dibawa hasil daripada globalisasi iaitu daripada sesuatu yang tiada kepada sesuatu yang pada masa kini memberi manfaat kepada semua. Bukan hanya kepada rakyat negeri Kedah juga seluruh negara.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, globalisasi yang telah berlaku di Kedah telah membawa impak yang besar kepada rakyat dan negara. Sebagai contohnya, globalisasi telah meningkatkan taraf hidup rakyat tempatan dan meningkatkan pendapatan negeri sekaligus meningkatkan pendapatan negara. Masyarakat perlu bersedia untuk menghadapi kesan globalisasi. Hal ini demikian kerana globalisasi sentiasa berlaku secara berterusan mengikut peredaran masa, tahun dan zaman.

## LAMPIRAN

Jumaat, 17 Disember 2021, 10:33pm

**BH  
ONLINE** Available on the iPhone GET IT ON App Store GET IT ON Google Play [f](#) [t](#) [i](#) [m](#)

### Hampir 90,000 pelancong kunjungi Langkawi

Ahmad Suhael Adnan - Oktober 14, 2021 @ 11:21am  
ahmad.suhael@bh.com.my



Dataran Lang, Langkawi. - Foto NSTP/Hamzah Osman

KUALA LUMPUR: Hampir 90,000 pelancong direkodkan mengunjungi Pulau Langkawi dalam tempoh 27 hari pertama pelaksanaan projek rintis gelembung pelancongan domestik di destinasi percutian itu.

**Kedah perlu bantuan untuk rapatkan jurang pembangunan antara negeri, kata Mukhriz**



Khamis | 16 Disember 2021

**14,000 pelajar ponteng, bimbang gejala sosial meruncing**

ROSLINDA HASHIM | 14 Disember 2019

[cari](#) 





Mahfuz (tengah) bersama sebahagian 250 penerima sumbangan 'Back To School' Parlimen Pokok Sena, hari ini.

**Utusan Borneo Online**

Halaman Utama » Nasional » Kerajaan Kedah berminat kerjasama sektor perdagangan, pelancongan dengan Johor

🕒 2014-06-11T00:00:00+08:00

NUSAJAYA: Kerajaan Kedah berminat untuk bekerja-sama dengan kerajaan Johor khususnya dalam pembangunan sektor perdagangan dan pelancongan.

Menteri Besarinya Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata sektor perdagangan yang menumpukan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta pelancongan dilihat berpotensi besar untuk ditinjau bagi memberi manfaat kepada rakyat.

"Kami mempunyai agenda untuk memperkenalkan produk Kedah ke Johor dan dalam masa yang sama membawa masuk produk Johor ke Kedah," katanya kepada pemberita selepas taklimat pembangunan 'Jalinan Transformasi' antara kerajaan Johor dan Kedah, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Rombongan kerajaan Kedah dalam lawatan dua hari ke negeri ini turut disertai 60 delegasi termasuk Setiausaha Kerajaan Kedah Datuk Mohd Puat Mohd Ali, exco kerajaan dan ketua jabatan.



'Jangan sentuh kepentingan, kedaulatan Kedah'



MUHAMMAD Sanusi Md. Nor menunjukkan laporan LSANK berkaitan kebergantungan Pulau Pinang terhadap sumber air Kedah pada sidang akbar di Alor Setar, hari ini.

Oleh MOHD RAFIE AZMI | 12 Januari 2021, 6:25 pm



ALOR SETAR: Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor mengingatkan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) khususnya Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) supaya tidak lagi membuat kenyataan yang menyentuh kerajaan negeri.



## Bina jati diri daripada empat teras: MB Kedah

ROSLINDA HASHIM | 31 Ogos 2021



Muhammad Sanusi

A- A+

## **RUJUKAN**

- Adnan, A. S. (2021, October 14). Hampir 90,000 pelancong kunjungi Langkawi. *BH Online*.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875967/hampir-90000-pelancong-kunjungi-langkawi>
- Azimi, M. R. (2021, January 12). ‘Jangan sentuh kepentingan, kedaulatan Kedah.’ *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/jangan-sentuh-kepentingan-kedaulatan-kedah/>
- Azizan, M. U. B. (2013, January). *PERUBAHAN CORAK GUNA TANAH SAWAH PADI DI NEGERI KEDAH*. <https://core.ac.uk/download/pdf/19455058.pdf>
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (n.d.). Globalisasi. In *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed.).  
Kamus Dewan. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=globalisasi>
- Hajar, S. (2016, August 15). *Kesan Globalisasi*. Slideshare. Retrieved December 10, 2021, from <https://www.slideshare.net/hajarraudhah/kesan-globalisasi-65007393>
- Hashim, R. (2019, December 14). 14,000 pelajar ponteng, bimbang gejala sosial meruncing Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/61892/EDISI/Utara/14000-pelajar-ponteng-bimbang-gejala-sosial-meruncing> © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf. *Sinar Harian*.
- <https://www.sinarharian.com.my/article/61892/EDISI/Utara/14000-pelajar-ponteng-bimbang-gejala-sosial-meruncing>
- Hashim, R. (2021, August 13). Bina jati diri daripada empat teras: MB Kedah. *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/158698/KHAS/Cerita-Merdeka/Bina-jati-diri-daripada-empat-teras-MB-Kedah>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Laporan sosioekonomi negeri Kedah 2019*.  
[https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/National%20Accounts/GDPbyState/2020/Laporan\\_Sosioekonomi\\_Kedah\\_2019.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/National%20Accounts/GDPbyState/2020/Laporan_Sosioekonomi_Kedah_2019.pdf)

Kedah. (2021, September 30). In *Wikipedia*. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kedah>

Kerajaan Kedah berminat kerjasama sektor perdagangan, pelancongan dengan Johor. (2021, June 11). *Utusan Borneo Online*.

<https://www.utusanborneo.com.my/2014/06/11/kerajaan-kedah-berminat-kerjasama-sektor-perdagangan-pelancongan-dengan-johor>

Mahmud, A. R. (2008). *Pelan Induk Tindakan Alam Sekitar Negeri Kedah*. Researchgate.

Retrieved December 10, 2021, from

[https://www.researchgate.net/publication/329934026\\_Pelan\\_Induk\\_Tindakan\\_Alam\\_Sekitar\\_Negeri\\_Kedah](https://www.researchgate.net/publication/329934026_Pelan_Induk_Tindakan_Alam_Sekitar_Negeri_Kedah)

Malaysia Dateline. (2019, September 23). Kedah perlu bantuan untuk rapatkan jurang pembangunan antara negeri, kata Mukhriz. *Malaysia Dateline*.

<https://malaysiadateline.com/kedah-perlu-bantuan-untuk-rapatkan-jurang-pembangunan-antara-negeri-kata-mukhriz/>

Mapjabil, J., Yusof, N., & Jusoh, A. T. M. (2010). PROSIDING PERKEM V, JILID 2.

*TRANSFORMASI PEMBANGUNAN EKONOMI DI NEGERI KEDAH: PERSPEKTIF HISTORIKAL*, 171–181.

<https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemV/PERKEM2010-2-18.pdf>